

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL
AZIZ [TANAH MERAH]**

TARIKH : 8 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 1

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah dan usaha dilakukan oleh Kementerian dalam usaha mengatasi masalah kesesakan di wad-wad hospital kerajaan yang ketika ini dianggap kritikal.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

KKM telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha dalam masalah kesesakan di wad-wad hospital Kerajaan antaranya berikut:

1. **Memperluaskan Perkhidmatan Rawatan Harian (PRH)** di mana perkhidmatan klinikal dijadualkan dan disempurnakan dalam hari yang sama. Kajian menunjukkan prosedur pembedahan yang dijalankan secara rawatan harian telah mengurangkan jumlah kemasukkan pesakit di wad-wad pembedahan sebagai pesakit dalam sebanyak 28.2%;

NO SOALAN : 1

2. **Perlaksanaan Inisiatif Hospital Kluster** yang merupakan kerjasama di antara hospital berpakar dengan hospital tanpa pakar bagi membolehkan pesakit luar bandar menerima rawatan kepakaran tanpa perlu dirujuk ke hospital berpakar dan menunggu lebih lama untuk dilihat oleh doktor pakar;
3. **Mewujudkan *Bed Management Unit (BMU)*** untuk merancang kemasukan pesakit elektif serta memastikan pesakit-pesakit yang memerlukan katil dapat diutamakan dengan cepat. Projek rintis BMU ini telah dijalankan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan Hospital Kuala Lumpur;
4. Pewujudan ***Discharge Lounge*** di hospital-hospital tertentu bagi menempatkan pesakit yang boleh didiscaj agar katil dapat dikosongkan dengan cepat untuk kegunaan pesakit yang seterusnya; dan
5. **Pembangunan hospital-hospital baru dan hospital gantian** oleh Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan salah satu langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kesesakan di wad-wad hospital Kerajaan.

Walau bagaimanapun, bagi melaksanakan langkah-langkah ini, perlu diwujudkan juga pertambahan perjawatan yang bersesuaian mengikut keperluan semasa bagi meningkatkan keupayaan fasiliti Kesihatan KKM ke arah memberi perkhidmatan yang terbaik. Seperti mana yang dinyatakan dalam Laporan Audit Negara 2018, KKM berhadapan dengan cabaran kekurangan peruntukan, kekurangan staf kesihatan serta beban tugas berlebihan dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Sebagai langkah untuk mengatasi kekurangan perjawatan ini, KKM telah mengemukakan permohonan peruntukan dan perjawatan kepada agensi pusat khususnya bagi menangani keperluan di fasiliti baharu dan fasiliti yang dinaik taraf.

Sekian, terima kasih.